SINAR HARIAN
12 FEBRUARI 2018

# Terengganu jadi negeri perintis

## Program Profesor di Sekolah bakal bermula dalam masa terdekat

**KUALA NERUS** - Terengganu menjadi perintis bagi Program Profesor di Sekolah di bawah kendalian Majlis Profesor Negara (MPN) yang bakal bermula dalam masa terdekat ini.

Presiden MPN, Prof Datuk Dr Raduan Che Rose berkata, pemilihan negeri itu dibuat selari dengan prestasi cemerlang diraih dalam pelbagai peperiksaan sebelum ini.

"Program ini merupakan acara khas MPN yang akan menempatkan seorang profesor untuk bergandingan dengan pihak sekolah untuk tingkatkan lagi kecemerlangan pendidikan.

"Pemilihan Terengganu sebagai negeri yang pertama melaksanakan program ini dibuat memandangkan cerita-cerita kejayaan yang direkodkan serta selaku peneraju pendidikan negeri dan kita akan menyokong lagi serta tambah baik lagi.

*"Ketika ini kita mempunyai 2,900 profesor dan 4,300 profesor madya di seluruh negara yang sedia untuk memberi khidmat kepada masyarakat,"*
*- Raduan*

"Profesor-profesor yang akan kita tempatkan di 146 sekolah menengah di Terengganu terdiri daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada perasmian penutup Program Profesor Bersama Masyarakat di Masjid Tok Jembal, Seberang Takir, di sini, semalam.

Upacara perasmian disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman.

Menurut Raduan lagi, program itu juga akan diperluas ke negeri-negeri lain selari dengan hasrat untuk memastikan profesor lebih dekat dengan masyarakat sekali gus menjadikan kejayaan mereka sebagai perangsang kepada generasi muda.

"Ketika ini kita mempunyai 2,900 profesor dan 4,300 profesor madya di seluruh negara yang sedia untuk memberi khidmat kepada masyarakat," katanya.




Raduan (dua kiri) dan Ahmad Razif (tengah) bersama wakil pemenang Anugerah Desa Lestari yang diadakan sempena program berkenaan.